

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[MACHANG ]**

**SOALAN :**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) statistik terkini bilangan katil mengikut hospital-hospital Kerajaan; dan
- (b) kos subsidi perubatan yang telah ditanggung oleh Kementerian mengikut tahun semenjak 2008

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 31 Disember 2013, Malaysia mempunyai sejumlah 149 hospital kerajaan dengan 43,437 katil. Daripada jumlah tersebut, 141 hospital merupakan hospital milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 5 hospital milik Kementerian Pertahanan Malaysia dan 3 hospital adalah milik Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jumlah katil di 141 hospital termasuk institusi perubatan khas milik KKM seluruh negara ialah 39,728 katil, manakala jumlah katil di 8 buah

hospital milik Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan ialah 3,709 katil.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di negara ini, Kerajaan telah membelanjakan peruntukan mengurus yang mana termasuk bekalan ubat-ubatan, reagen, vaksin, peralatan pakai buang dan sebagainya. Jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan berbanding dengan jumlah kutipan hasil kerajaan di hospital dan klinik adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Perbelanjaan oleh Kerajaan</b>	<b>Kutipan hasil Kerajaan</b>
2008	RM11.6 bilion	RM205.1 juta
2009	RM12.2 bilion	RM213.6 juta
2010	RM112.7 bilion	RM227.6 juta
2011	RM14.9 bilion	RM245.6 juta
2012	RM 17.3 bilion	RM253.6 juta
2013	RM17.7 bilion	RM250.8 juta

Kerajaan juga telah mewujudkan Tabung Bantuan Perubatan yang bertujuan untuk membantu golongan miskin atau kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan yang tidak dapat disediakan di hospital Kerajaan. Maklumat mengikut tahun adalah seperti berikut:

2008: RM19.4 juta

2009: RM30.1 juta

2010: RM33.3 juta

2011: RM31.2 juta

2012: RM33.2 juta

2013: RM40.1 juta

Selain itu, Kerajaan juga masih mengekalkan bayaran caj RM1.00 bagi pesakit luar yang mana caj ini termasuk perundingan, ubat dan segala siasatan yang dijalankan.

Bagi pesakit yang mendapatkan rawatan sebagai pesakit dalam di hospital, Kerajaan telah mengenakan kadar caj wad yang minimum bermula dari RM3.00 bagi Wad Kelas Tiga, RM20.00 bagi Wad Kelas Dua dan RM80.00 bagi Wad Kelas Satu. Kadar caj wad ini adalah rendah berbanding dengan kadar pasaran. Di samping itu juga, pengecualian juga boleh diberikan kepada pesakit warganegara di wad kelas tiga yang tidak mampu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai Kerajaan yang prihatin, golongan rakyat yang kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (*End Stage Renal Disease*) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM30 untuk suntikan *erythropoietin*.

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[MACHANG]**

**SOALAN :**

**Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub [ Machang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) statistik terkini usahawan-usahawan Bumiputera yang telah berjaya dilahirkan oleh Kerajaan mengikut tahun semenjak tahun 2008; dan
- (b) statistik terkini profesional Bumiputera mengikut bidang pekerjaan semenjak tahun 2008.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat terkumpul yang diperolehi daripada agensi berkaitan, jumlah usahawan Bumiputera yang telah berjaya mendapat pembiayaan bermula dari tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL	AGENSI	BILANGAN USAHAWAN BUMIPUTERA
1	Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)  * Sehingga 30 April 2014	282
2	Majlis Amanah Rakyat (MARA)  * Sehingga 30 April 2014	60,698
3	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)  * Sehingga 30 April 2014	1,663
4	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)  * Sehingga 31 Mac 2014	301,342
5	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)  * Sehingga 31 Mac 2014	3,046
6	TEKUN Nasional (TEKUN)  * Sehingga 30 April 2014	165,263
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>532,294</b>

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik profesional berdaftar terpilih bagi bumiputera mengikut bidang pekerjaan semenjak tahun 2008 sehingga terkini adalah:

Profesional	2008	2009	2010	2011	2012	2013
<b>Akauntan</b>	1,234 6.9%	1,377 7.4%	1,396 7.4%	1,464 7.7%	1,524 7.9%	1,572 8.0%
<b>Arkitek</b>	619 37.0%	630 37.2%	646 37.5%	676 38.4%	710 38.9%	702 38.4%
<b>Doktor</b>	10,405 52.9%	9,913 47.1%	10,420 48.0%	11,215 47.9%	12,413 45.6%	13,722 45.7%
<b>Doktor Gigi</b>	1,662 49.4%	1,779 49.9%	1,928 50.6%	2,175 51.1%	2,310 50.7%	2,672 51.0%
<b>Doktor Veterinar<sup>1</sup></b>	660 42.7%	697 41.9%	725 42.0%	761 42.5%	805 43.3%	847 45.1%
<b>Juruukur</b>	1,194 51.1%	1,143 51.0%	1,108 87.2%	1,344 51.8%	- <sup>2</sup>	- <sup>2</sup>
<b>Peguam</b>	5,029 39.3%	5,089 39.1%	5,074 38.5%	5,549 39.5%	5,975 40.1%	6,359 40.5%

**Sumber:** Persatuan profesional dan institusi yang meliputi kedua-dua sektor awam dan swasta, termasuk Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Institut Juruukur Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia dan Majlis Doktor Veterinar Malaysia.

**\*Nota:**

- 1) Perubahan statistik yang ketara sepanjang tahun 2008 sehingga 2013 adalah kerana statistik ini bergantung kepada graduan yang majoritinya daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Kadar pengambilan pelajar dan kadar lulus program di UPM memberi kesan ke atas bilangan doktor veterinar di Malaysia kerana hanya sebilangan kecil sahaja graduan daripada luar negara.
- 2) Institut Juruukur Malaysia tidak mempunyai rekod lengkap bagi bilangan juruukur profesional bagi tahun 2012 dan 2013.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[MACHANG]**

**SOALAN : 29**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) statistik terkini kenderaan darat di Malaysia mengikut tahun semenjak tahun 2008; dan
- (b) statistik pemegang lesen mengikut kelas/kategori semenjak tahun 2008 sehingga kini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Statistik terkini kendaraan darat di Malaysia mengikut tahun semenjak tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut:

JENIS KENDERAAN	KENDERAAN PERSENDIRIAN			KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM			KENDERAAN BARANG	LAIN-LAIN KENDERAAN	JUMLAH
	TAHUN	MOTOSIKAL	MOTOKAR	BAS	TEKSI	KERETA SEWA PANDU SENDIRI			
2008	543,122	537,092	1,337	3,933	4,443	43,733	22,943	1,156,603	
2009	441,545	513,954	1,964	4,110	2,135	34,731	18,922	1,017,361	
2010	498,041	585,304	2,067	5,026	3,277	40,887	23,470	1,158,072	
2011	542,308	594,610	2,405	4,947	3,568	39,718	24,443	1,211,999	
2012	609,596	628,239	1,440	4,187	2,127	40,742	25,418	1,311,749	
2013	528,508	583,060	1,833	3,861	3,904	40,765	40,743	1,202,674	
JUMLAH	2,025,016	2,230,960	7,773	18,016	13,423	159,069	89,778	4,544,035	

- b) Statistik pemegang lesen mengikut kelas/kategori semenjak tahun 2008 sehingga tahun 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	Lesen Memandu Percubaan (L)	Lesen Memandu Kompeten (CDL)	Lesen Memandu Percubaan (P)	Lesen Memandu Perkhidmatan Awam (PSV)	Lesen Konduktor (CON)	Lesen Kendaraan Barang (GDL)	Permit Memandu Antarabangsa (IDP)
2008	458,622	416,389	457,613	10,341	199	55,845	22,668
2009	481,325	414,912	475,618	13,186	243	56,706	21,680

2010	565,261	448,859	538,948	13,230	109	54,391	22,226
2011	550,128	464,546	527,198	14,354	117	54,659	22,779
2012	558,094	531,584	540,391	14,408	88	56,627	24,766
2013	562,388	528,192	531,196	14,457	105	56,645	25,594
JUMLAH	3,175,818	2,804,482	3,070,964	79,976	861	334,873	139,713